



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (D.3 EB.4)
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
D.3 EB.4 (\$900- \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC/BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

ATAU

- iv) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Pasukan Polis Diraja Brunei atau anggota Keselamatan sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan.

2. Mempunyai kebolehan dan pengalaman tentang pengurusan dan penyeliaan satu pasukan anggota keselamatan atau mempunyai sijil kawalan keselamatan bangunan adalah kelebihan.

3. Hendaklah berumur 30 tahun ke atas dan tidak melebihi 45 tahun.

4. Calon-Calon yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).

5. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti Ujian Fizikal yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertugas mengawasi keselamatan Bangunan Utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Subok dan di Pusat Persidangan Antarabangsa (*ICC*), Berakas;
2. Bertanggungjawab mengawasi pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertugas serta tetamu dan pelawat-pelawat ke Bangunan Utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Subok dan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas; dan
3. Membuat pemantauan melalui monitor Kamera Litar Tertutup (*CCTV*) yang ditempatkan di dalam Bangunan Utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Subok dan Pusat Persidangan Antarabangsa (*ICC*), Berakas.